

ANGKASA pacu kecemerlangan koperasi peringkat global

ANGKASA komited pastikan peranan terus relevan, beri impak positif kepada ekonomi dan masyarakat

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan puncak gerakan koperasi negara memainkan peranan penting dalam memperkasakan koperasi di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Menganggotai badan gerakan koperasi global, Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), ANGKASA mewakili Malaysia sejak 1972 dan menjadi penggerak utama dalam memastikan gerakan koperasi di Malaysia terus relevan, kompetitif serta memberi impak positif kepada ekonomi dan masyarakat.

Menurut perangkaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga Jun 2024 terdapat 16,009 koperasi dengan keanggotaan 7.2 juta individu.

Perangkaan SKM itu turut menunjukkan, terdapat RM18 bilion syer/yuran, aset sebanyak RM171.4 bilion dan perolehan RM33.06 bilion, manakala perolehan gerakan koperasi Malaysia pada 2023 berjumlah RM94.6 Bilion.

Dalam konteks global, data ICA menunjukkan koperasi memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial dunia.

Terdapat lebih tiga juta koperasi di seluruh dunia yang mempunyai keanggotaan sekurang-kurangnya 12 peratus daripada populasi global dan me-



Tahun Koperasi Antarabangsa

Koperasi Membina Kesejahteraan Sejahtera

nyediakan 10 peratus peluang pekerjaan dunia.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), berkata ANGKASA giat menjalankan mudah cara dagangan antara koperasi dengan koperasi (C2C) yang membuka peluang besar untuk koperasi tempatan menembusi pasaran global.

"ANGKASA akan mengukuhkan kedudukan koperasi Malaysia di peringkat antarabangsa melalui pelbagai kerjasama dan pendekatan strategik.

"Ia merangkumi menerusi kerjasama kemahiran, kepakaran, pendidikan, teknologi dan pembinaan kapasiti," katanya yang juga Naib Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP).

Pada peringkat domestik, ANGKASA memberi tumpuan kepada pembangunan koperasi sekolah sebagai platform untuk melahirkan generasi pemimpin yang berkualiti.

Terdapat lebih 2,499 koperasi sekolah dengan keanggotaan 2.08 juta pelajar yang aktif di seluruh negara.

Koperasi sekolah ini bukan sahaja menyediakan pendidikan mengenai pengurusan dan keusahawanan, tetapi juga men-



jadi medium untuk kelangsungan kepimpinan koperasi yang berkaliber.

Kejayaan model koperasi sekolah sudah dibangunkan di Kemboja. Satu lagi model koperasi yang ANGKASA ketengahkan pada peringkat antarabangsa iaitu Koperasi Kariah Masjid juga telah dibangunkan di Kemboja dan Filipina.

Melalui usaha ini, koperasi di rantau ini boleh memfokuskan kepada pengeluaran produk halal di mana jangkaan nilai eksport untuk segmen ini pada 2025 adalah RM65 bilion iaitu mengikut kenyataan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MARTRADE).

ANGKASA komited untuk membuktikan, koperasi bukan sahaja platform mengukuhkan ekonomi yang bergantung kepada pasaran domestik, malah mampu menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi di peringkat antarabangsa.

Sokongan strategik kerajaan

Sokongan strategik daripada kerajaan, rangkaian antarabangsa seperti ICA, ICA-AP dan ACO, gerakan koperasi mampu menjadi model ekonomi mampan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada anggotanya, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan.

Sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2025 membuka tirai dimensi baharu gerakan koperasi.

Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada gerakan koperasi menerusi pengisytiharan 2025 sebagai Tahun Koperasi Antarabangsa (International Year of Cooperatives 2025 - IYC2025) adalah bukti ketahanan, daya tahan dan kemampuan koperasi untuk terus relevan dalam menghadapi cabaran global.

Bertemakan 'Cooperatives Build a Better World' atau 'Koperasi Membina Kesejahteraan



Pelantikan Koperasi Malaysia ANGKASA

ANGKASA akan mengukuhkan kedudukan koperasi Malaysia pada peringkat antarabangsa melalui pelbagai kerjasama dan pendekatan strategik. Ia merangkumi menerusi kerjasama kemahiran, kepakaran, pendidikan, teknologi dan pembinaan kapasiti

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA, Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Co-operative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP)

Sejahtera', IYC2025 mengiktiraf peranan koperasi dalam pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat, mengimbangi pengalihan kekayaan yang saksama dan meraihan penyertaan inklusif anggotanya merangkumi wanita, belia, warga emas orang kurang upaya (OKU), orang asal serta kumpulan terpinggir lain.

Usaha kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kolaborasi ANGKASA serta sokongan SKM dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bukan sahaja mempromosi dan meningkatkan kesedaran awam untuk merasai manfaat berkoperasi, malah menegaskan komitmen mewujudkan persekitaran mesra koperasi.

Inisiatif ini dilaksanakan me-

nerusi mempromosikan prinsip dan nilainya melalui pendidikan berterusan, perkongsian kepakaran dan kemahiran, penguatkuasaan kapasiti, kerjasama antara koperasi dan tindakan kolektif yang berpusatkan kepada kepentingan anggota dan masyarakat secara keseluruhan.

ANGKASA selaku badan puncak gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menyeru seluruh warga koperasi dan rakyat Malaysia untuk turut serta menyambut IYC 2025 dalam memperkukuh pembangunan sosioekonomi negara.

Bekerja bersama-sama demi manfaat bersama untuk merealisasikan matlamat 'Koperasi Membina Kesejahteraan Sejahtera' yang inklusif dan mampan untuk semua.



ANGKASA menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Indian Farmers Fertiliser Cooperative (IFFCO) dan Iran Chamber of Cooperatives (ICC) yang disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Tuan Yang Terutama Dato' Muzaffar Shah Mustafa di New Delhi, India pada 28 November 2024.